

# KESEDIAAN PELAJAR TAHUN AKHIR POLITEKNIK DALAM MEMPEROLEH KERJAYA BERDASARKAN KEMAHIRAN INSANIAH

*\*Aede Hatib Musta'amal*

<sup>1</sup>*Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia  
email:aede@utm.my*

*Amirul Hakim Mohd Zain Al Rashidi*

<sup>2</sup>*Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia  
email:amirul5244@gmail.com*

*Norzanah Rosmin*

<sup>3</sup>*Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia  
[norzanah@fke.utm.my](mailto:norzanah@fke.utm.my)*

*Norehan Misran*

<sup>4</sup>*Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor  
email:iman0334@yahoo.com*

## ABSTRAK

Banyak laporan di media massa yang menyentuh isu pengangguran dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi (IPT). Rentetan daripada itu, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak IPT termasuk Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menangani masalah yang berpunca daripada kelemahan para graduan untuk mempamekan tahap kompetensi yang baik setelah berada di alam pekerjaan. Justeru, artikel ini cuba melaporkan satu kajian yang cuba meninjau tentang kesediaan pelajar tahun akhir politeknik khususnya Diploma Kejuruteraan Mekanikal dalam memperoleh kerjaya berdasarkan kemahiran insaniah. Pembolehubah yang dikaji adalah kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja, berpasukan dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar politeknik. Namun begitu, artikel ini akan hanya menumpukan dapatan bagi kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian dijalankan di salah sebuah politeknik premier, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sampel kajian adalah seramai 80 orang pelajar tahun akhir Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Instrumen kajian yang digunakan mengandungi 40 item dan menggunakan maklum balas skala Likert 5 mata. Hasil daripada analisis kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik dengan bacaan Alpha Cronbach 0.97. Data analisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 16.0 untuk mendapatkan nilai frekuensi dan peratusan. Dapatan menunjukkan tahap min keseluruhan adalah tinggi iaitu 4.31. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden yang merupakan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Politeknik mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam persediaan menuju ke alam pekerjaan.

*Katakunci: Kemahiran insaniah, Politeknik,*

## 1. PENGENALAN

Politeknik sebagai salah satu entiti institusi pendidikan tinggi (IPT) negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran dalam bidang teknikal dan pengurusan perlu bergerak seiring dengan IPT lain. Kesediaan pelajar menghadapi alam pekerjaan merupakan aspek yang perlu dititikberatkan apabila mereka menamatkan pengajian di politeknik kelak. Perkara ini adalah sangat penting untuk menjamin laluan kemasukan pelajar ke alam pekerjaan agar lebih mudah. Oleh itu mereka seharusnya mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang, seperti kemahiran komunikasi secara berkesan, kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan keusahawanan. Hal ini adalah kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek dan pihak

majikan pula lebih cenderung untuk mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan semasa memulakan perkhidmatan (Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina, 2005).

Dalam era ini, kemahiran Insaniah adalah sangat penting dan amat diperlukan dalam pekerjaan. Penguasaan Kemahiran Insaniah memberi banyak kesan positif dalam diri seseorang bukan sahaja perubahan dan perkembangan dalam dunia pekerjaan malahan merangkumi kehidupan seharian mereka. Kemahiran insaniah turut menyediakan seseorang yang berperanan sebagai warga negara dan pekerja yang efisien dalam mengharungi perubahan teknologi yang pesat dan berterusan (Sharifah Noor Anita, 2002). Dengan itu, para graduan harus bersiap sedia dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dalam dunia pekerjaan yang semakin tinggi persaingannya. Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr Hassan Said, jika kemahiran yang diperlukan pasaran ada pada graduan, mereka pastinya tidak menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan dan pada masa yang sama, graduan juga perlu tahu apa yang diperlukan oleh bakal majikan (Berita Harian, 12 Februari 2007).

## **1.1 LATARBELAKANG KAJIAN**

Setiap tahun institusi pendidikan seperti politeknik akan mengeluarkan ribuan graduan yang memerlukan pekerjaan. Mohamed Rashid (2005) dalam kajiannya ke atas lulusan politeknik mendapati pernah direkodkan sejumlah 50.5% lulusan teknikal politeknik menganggur hampir selama sembilan bulan disebabkan oleh masalah kurangnya kemahiran insaniah. Antara faktor utama berlakunya fenomena ini adalah kerana graduan yang dihasilkan masih tidak dapat memenuhi kehendak majikan masa kini (Mohd Safarin *et. al.*, 2005). Selain itu, kegagalan menguasai multiskil telah dikenal pasti merupakan punca mereka sukar mendapat pekerjaan. Permintaan majikan hari ini adalah terlalu tinggi di mana bakal pekerja bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran asas dalam bidang pengajian mereka malahan mereka juga mahukan pekerja yang dapat menangani tugas yang mencabar yang setanding dengan arus globalisasi pada masa kini. Sementara itu, Mohammad Zaki (2004) pula menyatakan bahawa tidak kesemua pelajar hari ini lemah dalam aspek teknikal atau kefahaman, sebaliknya ada diantara mereka yang lemah dalam kemahiran insaniah yang menyebabkan penguasaan aspek teknikal tidak dapat digunakan dengan efektif.

Selain itu, masalah pengangguran dalam kalangan graduan sering dikaitkan dengan isu kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi. Rungutan daripada majikan di Malaysia adalah graduan kurang menguasai kemahiran insaniah (Nurita, *et al.* 2007; Hassan, *et al.* 2007; Azami Zaharim, *et al.* 2009). Ini dapat dilihat dari berita yang kerap terpampang di dada akhbar mengenai graduan yang kurang kompeten khususnya dalam kemahiran insaniah (Rohaila Yusof, *et al.* 2007). Memiliki pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata masih tidak menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan kerana persaingan sengit dalam pasaran kerjaya hari ini. Kebanyakan majikan tidak memandangkan pencapaian akademik sebagai kriteria utama pemilihan, tetapi juga meletakkan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjanya.

Laporan media massa (*Berita Harian*, 2006) pula telah menyuarakan beberapa kelemahan graduan tempatan termasuk dari aspek keterampilan diri yang mantap sehingga menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Graduan tempatan dikatakan kurang mahir

berkomunikasi dengan berkesan, kurang reseptif terhadap proses pembelajaran, dan mempunyai sifat yakin diri yang rendah. Justeru, mempunyai kedua-dua konsep kognitif kepintaran emosi dan kemahiran insaniah ini adalah satu hubungan simbiosis atau boleh dikira sebagai hubungan komunal yang sangat diperlukan sebaik pelajar keluar menjejakkan kaki ke dunia pekerjaan. Hubungan institusi pendidikan dengan pelajar harus dipelihara supaya sepanjang pembelajaran pelajar, mereka sentiasa diingatkan dan didedahkan dengan pelbagai persiapan diri untuk menjadi individu yang mampu berkomunikasi dan berketerampilan diri yang tinggi supaya dihargai oleh organisasi majikan mereka kelak. Justeru, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk melihat tahap kemahiran insaniah yang ada dalam diri pelajar Politeknik dalam menghadapi saingan kerja pada masa hadapan. Kajian ini secara keseluruhannya cuba meninjau empat aspek kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, dan kemahiran kepimpinan. Namun begitu, artikel ini akan hanya melaporkan dapatan bagi dua aspek kemahiran sahaja iaitu kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal di salah sebuah Politeknik Premier, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## 2. METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan set soal selidik kepada pelajar-pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal di salah sebuah politeknik premier, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini adalah kerana menurut Mohd Majid (2000), soal selidik adalah merupakan salah satu alat ukur yang biasa digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Selain itu, penggunaan soal selidik juga memberikan kebebasan kepada responden untuk bebas memilih, menyatakan pendapat dan menilai berdasarkan item-item yang terdapat pada soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik yang dibina terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden, manakala Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dijalankan iaitu kemahiran komunikasi, dan Kemahiran menyelesaikan masalah pelajar-pelajar semester akhir Kejuruteraan Mekanikal salah sebuah Politeknik Premier, Kementerian Pendidikan Malaysia. Soal selidik ini menggunakan Skala Likert dengan lima pilihan jawapan.

Kajian rintis dilakukan bagi menentukan koefisien kebolehpercayaan instrument yang dibina. Ianya melibatkan seramai 20 orang yang mana sampel adalah terdiri daripada pelajar semester akhir Politeknik Premier A dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis menyerupai kajian sebenar tetapi jumlah responden yang terlibat adalah bersaiz kecil iaitu antara 15 hingga 20 orang sahaja. Maklumat kajian rintis ini dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 16 (*The Statistical Package For The Social Science*) bagi mendapatkan nilai *Alpha Cronbach*. Analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang diperoleh adalah tinggi iaitu 0.97. Menurut Mohd Najib (2003), item kajian boleh diterima dan tidak perlu ditukar dengan item yang lain jika pekali Alpha Cronbach berada pada nilai 0.8 hingga 1.0.

Borang soal selidik ini kemudiannya diedarkan secara rawak kepada 100 orang sampel dan hanya 80 responden yang telah mengisi serta mengembalikannya semula kepada penyelidik bagi tujuan analisis. Data yang dianalisis kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk frekuensi dan min. Julat dan tahap min hasil daripada data yang telah dianalisis adalah merujuk sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Julat dan Tahap Min

Peratus	Tahap
3.65 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.67	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Sumber : Mohd Najib, (1999)

### 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 Dapatan

Hasil analisis Bahagian A menunjukkan taburan responden mengikut jantina yang mana majoriti yang terlibat dengan kajian ini terdiri daripada 60 orang pelajar lelaki mencatat peratus lebih tinggi sebanyak (75%) berbanding dengan pelajar perempuan (25%) iaitu seramai 20 orang pelajar. Manakala taburan responden mengikut bangsa menunjukkan majoriti keseluruhan responden dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu seramai 58 orang dan mencatat peratusan sebanyak (72.5%). Manakala pelajar berbangsa India pula adalah seramai 16 orang (20%), manakala pelajar berbangsa Cina pula adalah seramai 4 orang (5%) dan pelajar lain-lain bangsa adalah seramai 2 orang (2.5%).

Jadual 2: Apakah kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelajar dalam menempuhi alam pekerjaan?

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	
1	Saya mempunyai keyakinan yang tinggi ketika berkomunikasi dengan pensyarah	0	0	5 (6.2)	44 (55)	27 (33.8)	4.15
2	Saya menggunakan bahasa yang mudah difahami ketika membuat pembentangan	1 (1.2)	1 (1.2)	5 (6.2)	45 (56.2)	28 (35)	4.23
3	Saya boleh menyumbangkan idea atau pendapat ketika perbincangan dalam kelas	1 (1.2)		9 (11.2)	42 (52.5)	28 (35)	4.20
4	Saya boleh bertutur dalam bahasa inggeris dengan baik	1 (1.2)	3 (3.8)	20 (25)	38 (47.5)	18 (22.5)	3.86
5	Saya dapat menyampaikan hujah dengan berkesan apabila diminta memberikan pendapat	0	1 (1.2)	22 (27.5)	37 (46.2)	20 (25.0)	3.95
6	Saya akan berbincang terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan diambil	0	2 (2.5)	6 (7.5)	35 (43.8)	37 (46.2)	4.34
7	Saya boleh menyampaikan sesuatu mesej dengan menggunakan bahasa badan	3 (3.8)	2 (2.5)	13 (16.2)	46 (57.5)	16 (20)	3.88

8	Saya mempunyai suara yang jelas ketika membuat pembentangan	2 (2.5)	1 (1.2)	12 (15)	40 (50)	25 (31.2)	4.06
9	Saya boleh mendengar dan memberi maklum balas dengan baik	1 (1.2)	0	9 (11.2)	46 (57.5)	24 (30)	4.15
10	Saya boleh menggunakan peralatan teknologi ketika membuat pembentangan	0	4 (5)	5 (6.2)	39 (48.8)	32 (40)	4.24
<b>Purata Keseluruhan</b>							<b>4.64</b>

Manakala bagi analisis Bahagian B, Jadual 2 menunjukkan analisis mengenai kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik A berkenaan kesediaan mereka terhadap pekerjaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pernyataan "saya akan berbincang terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan diambil" mencatat nilai min paling tinggi sebanyak 4.34 iaitu seramai 37 orang (46.2%) responden sangat bersetuju. Bacaan min terendah pula adalah bagi pernyataan "saya boleh bertutur dalam bahasa inggeris dengan baik" iaitu dengan sebanyak 3.86. Seramai 38 orang (47.5%) responden bersetuju dan 18 orang (22.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun 20 orang (25%) tidak pasti, 3 orang (3.8%) tidak setuju dan 1 orang (1.2%) sangat tidak setuju. Secara keseluruhan majoriti responden menyatakan setuju bagi persoalan kajian satu mengenai kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh mereka dalam menempuhi alam pekerjaan dan min keseluruhan adalah berada pada tahap tinggi iaitu 4.64.

Analisis bagi persoalan kemahiran menyelesaikan masalah yang diamalkan oleh pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik A pula ditunjukkan oleh Jadual 3. Hasil dapatan daripada analisis yang dilakukan mendapati bahawa pernyataan "saya akan menggunakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah mencatat min yang tertinggi sebanyak 4.25 iaitu 47 orang (58.8%) responden bersetuju dan 22 orang (27.4%) responden sangat bersetuju, Walau bagaimanapun terdapat 10 orang (12.0%) responden tidak pasti dan 1 orang (1.2%) tidak setuju. Bacaan min terendah pula adalah bagi pernyataan "saya boleh memikirkan secara kreatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh saya" dan "saya boleh berfikir secara kritikal dalam menghadapi cabaran globalisasi" mencatat nilai min yang sama iaitu sebanyak 4.09. Analisis data menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kemahiran menyelesaikan masalah yang diamalkan oleh responden adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.16

Jadual 3: Apakah kemahiran menyelesaikan masalah yang digunakan oleh pelajar politeknik dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi?

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
		f (%)	F (%)	f (%)	f (%)	f (%)	
11	Saya akan mengenalpasti masalah terlebih dahulu untuk menyelesaikan sesuatu masalah	0	1 (1.2)	8 (10)	46 (57.5)	25 (31.2)	4.19
12	Saya boleh berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh saya	0	2 (2.5)	14 (17.5)	39 (48.8)	25 (31.2)	4.09
13	Saya boleh menyumbangkan idea yang baik	0	1	15	36	28	4.14

	dalam menyelesaikan masalah didalam kumpulan saya		(1.2)	(18.8)	(45)	(35)	
14	Saya boleh berfikir secara kritikal dalam menghadapi cabaran globalisasi	0	1 (1.2)	16 (20)	38 (4.75)	25 (31.2)	4.09
15	Saya akan menggunakan pendekatan yang sistematik untuk menyelesaikan masalah	0	1 (1.2)	8 (10)	50 (62.5)	21 (26.2)	4.14
16	Saya boleh mencari jalan penyelesaian secara alternatif dalam menyelesaikan masalah	0	1 (1.2)	10 (12.5)	46 (57.5)	23 (28.8)	4.14
17	Saya tidak mudah berputus asa dalam mencari jalan untuk menyelesaikan masalah	0	1 (1.2)	7 (8.8)	46 (57.5)	26 (32.5)	4.21
18	Saya akan menggunakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah	0	1 (1.2)	10 (12.5)	47 (58.8)	22 (27.4)	4.25
19	Saya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan tenang	0	1 (1.2)	10 (12.5)	47 (58.8)	22 (27.5)	4.13
20	Saya boleh bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.	0	3 (3.8)	4 (5)	44 (55)	29 (36.2)	4.24
<b>Purata Keseluruhan</b>							<b>4.16</b>

### 3.2 Perbincangan

Dapatan analisis menunjukkan tahap kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelajar politeknik dalam menempuhi alam pekerjaan berada pada tahap tinggi. Tahap kesedaran pelajar dalam kemahiran komunikasi adalah paling tinggi bagi item 'berbincang terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan diambil'. Ini menunjukkan pelajar-pelajar politeknik mempunyai penguasaan yang baik dalam kemahiran komunikasi dan mempunyai keyakinan yang tinggi kerana komunikasi yang berkesan akan menghasilkan motivasi yang berkesan. Ini bersesuaian dengan kenyataan Abdul Rahman (2000), kebolehan komunikasi adalah pencapaian manusia yang paling penting kerana kebolehan ini telah membolehkan manusia berhubung diantara satu dengan lain. Berdasarkan kenyataan ini, pekerja yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik juga berkebolehan dalam melakukan pekerjaan mereka terutamanya bagi syarikat-syarikat yang berhubung secara terus dengan pelanggan atau klien mereka.

Selain daripada itu, hasil dapatan juga menunjukkan pelajar politeknik mampu menyumbang idea dan memberi maklumbalas yang baik ketika berkomunikasi samada di dalam kumpulan mahupun ketika berhadapan dengan pensyarah. Komunikasi yang baik, berkesan dan terbuka akan mewujudkan rasa percaya dan semangat kekitaan dalam kalangan ahli kumpulan. Shamsaadal Sholeh (2004) menyatakan bahawa komunikasi yang baik di kalangan ahli-ahli akan menyebabkan mereka berasa dihargai, dan bekerja dengan lebih berdedikasi. Ini secara tidak langsung akan menyumbang penyelesaian yang baik terhadap sebarang masalah atau isu-isu yang dan mempunyai berpotensi untuk sama-sama berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Harvey dan Green (1994) yang menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi sering kali dilihat oleh majikan sebagai satu indikator penting kepada potensi mencapai kejayaan dalam sesebuah organisasi.

Penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris pula merupakan item yang menunjukkan keputusan atau indikator paling rendah dalam kemahiran komunikasi. Sehubungan dengan itu, pelajar politeknik digesa untuk lebih menguasai dan memantapkan penggunaan Bahasa Inggeris bagi meningkatkan potensi mereka mendapatkan pekerjaan pada masa depan. Mohd Nazri (2009), menjelaskan bahawa majikan akan lebih tertarik untuk

mengambil pekerja yang mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa termasuklah berbahasa Inggeris. Misalnya, pekerjaan dalam bidang kejuruteraan, telekomunikasi, penyiaran, teknologi maklumat dan sebagainya dilihat amat memerlukan penguasaan penggunaan bahasa Inggeris yang baik di kalangan mereka yang terlibat dalam sektor ini. Oleh itu, lepasan sekolah atau institusi pengajian tinggi yang mahir berbahasa Inggeris pada kebiasaannya adalah lebih mudah untuk mendapat pekerjaan berbanding dengan mereka yang kurang menguasai bahasa tersebut. Ini khususnya apabila melibatkan pengambilan pekerja di kalangan majikan yang merupakan syarikat-syarikat multi nasional.

Bagi aspek kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal Politeknik, responden mencatat nilai min purata yang lebih rendah berbanding min purata pembolehubah lain yang turut dikaji. Namun begitu, skor min yang ditunjukkan masih lagi berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.16. Ini jelas menunjukkan pelajar-pelajar tersebut bersetuju bahawa mereka telah mengamalkan kemahiran menyelesaikan masalah semasa proses pembelajaran di politeknik sebagai persediaan mereka ke arah dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Ini bmenunjukkan bahawa pelajar-pelajar politeknik semester akhir telah dibimbing dan dilatih untuk mengembang serta memperbaiki kemahiran berfikir mereka. Ini selaras dengan pernyataan pakar-pakar pendidikan (Goldman, Hasselbring *et.al.* 1997) yang menegaskan tentang keperluan pelajar untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi berkesan, kemahiran membuat keputusan dan sebagainya.

Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini juga menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa mereka akan menggunakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah ketika mengalami sesuatu masalah. Mereka telah dilatih menggunakan pemikiran secara kreatif dan kritis semasa pembelajaran seperti menjana dan menghasilkan idea dalam menghasilkan atau merekabentuk projek akhir. Dapatan ini selaras dengan Teori Pembelajaran Gestalt (1890) dalam Barone, Maddux dan Snyder (1997), iaitu ketika seseorang mencari jalan untuk menyelesaikan masalah, terdapat keadaan jalan penyelesaian masalah yang kabur dan kurang pasti yang mendorong seseorang itu terus berusaha mencapai matlamatnya. Keadaan sedemikian dikenali juga sebagai celik akal.

Selain itu, responden juga menunjukkan maklumbalas yang baik bagi item 'mereka akan bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan akan mengenalpasti masalah terlebih dahulu untuk menyelesaikan sesuatu masalah'. Ini memberikan petunjuk bahawa sikap atau tingkah laku pelajar turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran tempat belajar iaitu di universiti dan kolej kediaman. Pelajar akan mudah dipengaruhi dengan suasana kehidupan seharian seperti suasana kampus yang penuh persaingan untuk memajukan diri, dan dalam menyelesaikan permasalahan yang wujud seperti mengurus bebanan akademik yang secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut Ennis (1996), kemahiran menyelesaikan masalah ini perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar kerana merek perlu menilai, menjana, menaakul, menganalisis dan memilih maklumat yang diterima bagi membuat keputusan atau melaksanakan tugas akademik yang diserahkan kepada mereka.

Secara keseluruhannya, kemahiran menyelesaikan masalah merupakan aspek yang memperlihatkan keupayaan pelajar untuk berhadapan serta mengatasi halangan-halangan yang datang dengan menggunakan strategi dan penilaian yang tepat dalam menentukan keputusan yang diambil. Kemahiran menyelesaikan masalah perlu ada dalam diri setiap pelajar untuk membentuk jati diri serta menjadikan mereka supaya individu yang lebih cekap dan berkesan

(Bjorkland & Pellegrini, 2000). Kesedaran pelajar terhadap kepentingan pemikiran secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah penting dalam mempersiapkan mereka untuk menyusuri arus modenisasi dan perkembangan teknologi yang membawa pelbagai cabaran di mana tenaga manusia yang cekap, cekal dan boleh berfikir amatlah diperlukan. Pernyataan ini disokong oleh Philips (1997) yang mengatakan tenaga pekerja harus dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran berfikir yang membolehkan mereka mempelajari teknologi baru dengan mudah dan dalam jangka masa yang singkat.

#### **4. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa tahap kesediaan pelajar politeknik untuk menempuh alam pekerjaan berdasarkan kemahiran insaniah berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka telah diterapkan dengan kaedah pembelajaran yang berkesan yang bukan sahaja menjadikan mereka kompeten dalam menguasai kemahiran teknikal tetapi juga dalam kemahiran insaniah. Secara tidak langsung, hal ini mungkin juga disebabkan penaiktarafan politeknik kepada taraf Premier menjadi salah satu penyumbang kepada dapatan yang telah diperolehi. Ini selaras dengan komitmen Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Politeknik Premier dalam usaha melahirkan graduan yang berinovatif sebagai peneraju industri dan memiliki nilai berkebolehpasaran yang tinggi. Ini sesuai dengan matlamat Kementerian Pendidikan yang mensasarkan matlamat kewujudan Politeknik Premier untuk mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa akan datang menerusi ekonomi yang berasaskan inovasi melalui usaha melahirkan lebih ramai graduan berkemahiran dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara berpendapatan tinggi.

Selain daripada itu, pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang menyeimbangkan antara amali dan teori telah dapat merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir secara kritis melalui pendedahan kepada situasi pekerjaan yang sebenar. Dengan cara ini pelajar dapat lebih memahami perkara yang dipelajari dan seterusnya menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tersebut bukan sahaja berupaya menguasai kemahiran teknikal malah mereka juga memiliki kemahiran-kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan pada masa kini. Penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut secara tidak langsung akan menyumbang ke arah produktiviti modal insan dalam Negara yang akan menjadikan mereka pilihan oleh para majikan dan industri berdasarkan kebolehan serta kelebihan yang dimiliki.

#### **PENGHARGAAN**

Ucapan penghargaan kepada *Fundamental Research Grant Scheme* Vot.4F556 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

#### **RUJUKAN**

Abd. Rahman Abdul Aziz (2000). "*Kemahiran Sosial Asas*". Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Armstrong dan Kleiner (1996). *A Handbook of Management and Leadership : A Guide to Managing for Result*. London: Kogan Page.

Berita Harian. "*Pendidikan : BI, ICT jadi komponen penting sertai kerjaya.*" Keluaran 12 Februari 2007.



- Berita Harian. "*Graduan Kekurangan Kemahiran Insaniah*". Keluaran 12 Februari 2006.
- Barone, D. F., Maddux, J. E., & Snyder, C. R. (1997). *Social Cognitive Psychology: History and Current Domains*. New York: Plenum.
- Bjorkland, D.F., & Pellegrini, A. D. (2000). "*Child Development and Evolutionary psychology*". *Child Development*, 71, 1687-1908.
- Coyle A. (1993). "*Quality Interpersonal Communication—Perception and Reality*". *Manage*, 45:1, 6-7.
- Ennis, R. H. (1996). "*Critical Thinking*". Upper Saddle River, NJ:Prentice-Hall.
- Goldman, Hasselbring et. Al. 1997; Montague, Wagner & Morgan (2000) "*Journal of Learning Disabilities*," 30(2), 98-208.
- Haslinda, Muhammad Nubli dan Zarina (2005). *Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan*. Kertas kerja yang dibenteng di Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Di Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.
- Harvey, L. with Green, D., 1994, *Employer Satisfaction*. Birmingham, *QHE*.
- Hutchinson, T. & Waters, A. 1986. *English For Specific Purposes: A Learning-Centred Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lange, D.L dan Technicon, P.E. (2000). "*The Identification of The Most Important Non Technical Skills Required by Entry Level Engineering Students When They Assume Employment*." *Journal of Cooperative Education*. 35. 21-32
- Mohamed Rashid. 2005. *The Year 2004 Polytechnic Convocation Survey. Proceedings of National Seminar The Development of Technology and Technical- Vocational Education and Training in An Era of Globalization: Trend and Issues*. Kuala Lumpur
- Mohammad Zaki Kamsah (2004). "*Developing Generic Skills In Classroom Environment: Engineering Students*" *Perspective*." Center for Teaching and Learning: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Safarin Nordin (2005). "*Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti*." *Seminar Pendidikan Fakulti Pendidikan 2005*: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nazri Bin Latiff Azmi, 2009, "*Teachers' Perceptions On English Language Reading Culture Among Primary Schools Students*," International Conference on Literacy (LITCON 2009).
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "*Penyelidikan Pendidikan*". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). "*Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting. 2000. "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*". Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Nurita Juhdi, Ainon Jauhariah & Shaharudin Yunus. 2007. *A Study on Employability Skills of University Graduates*. The Business Wallpaper. 2(1).

Philips J.A (1997). 13. "*Pengajaran Kemahiran Berfikir*". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rahim (2001). "*Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*". Kuala Lumpur Cergas (M) Sdn. Bhd.

Rohaila Yusof. 2007. "*Kesan Strategi Pembelajaran Pengalaman Terhadap Pembangunan Kompetensi: Perspektif Pendidikan Perakaunan*". Jurnal Teknologi. 46(E), Jun 2007: 1–26.

Sharifah Noor Anita .2002. "*Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson*". Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat.

Shamsaadal Sholeh Saad (2004). "*Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya*." Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, 29-30 Mei 2004, di Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Utusan Malaysia (2010) . "*Politeknik Premier Sebagai Institusi Pilihan*" Utusan Malaysia, 25 Febuari 2010.

Warwick, D (1989). "*Interpretation and Aims*." Dalam Warwick, D.1989. "*Linking Schools and Industry*". Oxford: Basil Blackwell Ltd